Source: *Berita Harian,* p22
Date: 22 June 2016

Pelajar perubatan NUS beri ceramah di poliklinik

OSTEOARTRITIS, demensia dan tekanan darah tinggi merupakan antara isu yang dibincangkan sekumpulan pelajar perubatan Universiti Nasional Singapura (NUS) di pelbagai poliklinik SingHealth sebagai sebahagian program latihan mereka yang berlangsung selama dua minggu.

Dianjurkan SingHealth Polyclinics (SHP), pelajar tahun ketiga daripada Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS itu dilatih menyampaikan ceramah kesihatan awam di poliklinik sebagai sebahagian komponen perubatan keluarga.

Setiap tahun akademik sejak 2012, doktor keluarga SHP membimbing lima kohort yang merangkumi 30 pelajar dan melatih mereka bukan sahaja mengenal pasti isu kesihatan awam yang relevan, malah menyampaikan kepada orang ramai dengan baik.

Pelajar tahun ketiga Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS, Cik Goh Yue Shan, merupakan sebahagian pasukan yang mengendalikan ceramah kesihatan awam di Poliklinik Geylang semalam.

"Latihan ini membolehkan kami berinteraksi dengan pesakit secara dekat dan mengetahui keprihatinan mereka," katanya.

Dalam satu kertas kajian oleh SHP antara 2012 dengan 2013, sekitar 92 peratus daripada 120 pelajar sekolah perubatan yang ditinjau berkata mereka mendapati latihan itu berguna dalam pengajian mereka.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.